

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN JEFF OOI CHUAN AUN
(JELUTONG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 23.05.2016

Y.B. TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [JELUTONG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan memberi jaminan bahawa Kerajaan tidak akan memberi suntikan dana kepada 1MDB sebagai "*bailout*" negara bersabit kejadian ingkar bayar (default) berpunca daripada tidak membayar faedah US\$50.3 juta ke atas Nota Langat lalu telah mencetuskan ingkar bayar silang (*cross default*) ke atas Sukuk 1MDB bernilai RM5 billion dan Sukuk BMSB bernilai RM2.4 billion.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, berikutan pertikaian di antara 1MDB dan IPIC, 1MDB mahupun anak syarikatnya, 1MDB

Energy (Langat) Limited (“Bon Langat”) dan 1MDB Energy Limited (“Bon Energy”) masih belum membuat pembayaran faedah bon dan kini berada di dalam situasi ingkar (*default*, dengan izin) mengikut terma-terma Bon Langat dan Bon Energy. Justeru itu, pihak IPIC telah menjelaskan pembayaran faedah bon-bon tersebut di bawah peruntukan Jaminan IPIC.

Tuan Yang Dipertua,

1MDB telah dan akan terus menjalankan perbincangan dengan semua pemegang bon untuk menjelaskan latar belakang pertikaian serta menjelaskan mengapa 1MDB mengambil pendirian untuk tidak membuat bayaran faedah ke atas Bon Langat dan Bon Energy dan menegaskan bahawa 1MDB mempunyai Pelan Rasionalisasi yang membolehkan 1MDB memenuhi obligasi hutang sedia ada. 1MDB juga komited untuk bekerjasama secara terbuka dengan IPIC untuk menyelesaikan pertikaian yang berlaku bagi meminimumkan kesan ke atas semua pihak berkepentingan dan mengelakkan keperluan mempercepatkan bayaran balik bon atau sukuk dalam cara yang boleh menimbulkan risiko signifikan kepada Pelan Rasionalisasi 1MDB.

Tuan Yang Dipertua,

Pihak agensi penarafan (*ratings agency*, dengan izin) “Standard and Poors” (dengan izin) telah mengeluarkan laporan bertarikh 10 Mei 2016 di mana mereka telah merumuskan bahawa jumlah hutang 1MDB yang ditanggung oleh Kerajaan adalah “tidak material”. Oleh itu, ini jelas menunjukkan bahawa kedudukan kewangan negara tidak akan terjejas disebabkan pertikaian antara 1MDB dan IPIC.